



7 Januari 2022
7 January 2022
P.U. (A) 6

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (SARAWAK)
(PINDAAN) 2022

*FEDERAL ROADS (SARAWAK) (AMENDMENT)
ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (SARAWAK) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 Januari 2022.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) 1996 [P.U. (A) 551/1996] yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala "LEBUH RAYA PAN BORNEO" dengan memasukkan selepas butiran (j*b*) butiran yang berikut:

*(j*c*) (Laluan 1): Bulatan Serian–Jambatan Sungai Kerang*

Bermula di koordinat U 1.183414, T 110.564475 dan berakhir di koordinat U 1.048421, T 110.762922 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA BULATAN SERIAN–JAMBATAN SUNGAI KERANG (jarak sepanjang 33.000 km).

*(j*d*) (Laluan 1): Persimpangan Bintangor–Jambatan Sungai Jikang*

Bermula di koordinat U 2.066985, T 111.668248 dan berakhir di koordinat U 2.058944, T 111.911380 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA PERSIMPANGAN BINTANGOR–JAMBATAN SUNGAI JIKANG (jarak sepanjang 29.000 km).".

Pindaan Jadual Ketiga

3. Perintah ibu dipinda dalam Jadual Ketiga dengan memasukkan selepas PETA JALAN NYABAU-SIMPANG JALAN BAKUN peta yang berikut:

“PETA BULATAN SERIAN-JAMBATAN SUNGAI KERANG

